

# Workmen's Compensation Policy

---

**WHEREAS** the Insured carrying on the Business described in the Schedule and no other for the purpose of this Insurance by a proposal and declaration which shall be the basis of this contract and is deemed to be incorporated herein has applied to Zurich General Insurance Malaysia Berhad (hereinafter called " the Company ") for the insurance hereinafter contained, and has paid or agreed to pay the Premium as consideration for such insurance.

**NOW THIS POLICY WITNESSETH** that if at any time during the Period of Insurance any employee in the Insured's immediate service shall sustain personal injury by accident or disease arising out of and in the course of his employment by the Insured in the Business and if the Insured shall be liable to pay compensation for such injury either under

the Law(s) set out in the Schedule

or at

Common Law

then subject to the terms exceptions and conditions contained herein or endorsed hereon the Company will indemnify the Insured against all sums for which the Insured shall be so liable and will in addition be responsible for all costs and expenses incurred with its consent in defending any claim for such compensation.

**PROVIDED ALWAYS** that in the event of any change in the Law(s) or the substitution of other legislation thereof this Policy shall remain in force but the liability of the Company shall be limited to such sum as the Company would have been liable to pay if the Law(s) had remained unaltered.

## **EXCEPTIONS**

The Company shall not be liable under this Policy in respect of

- a) any injury by accident or disease directly attributable to war, invasion, act of foreign enemy hostilities (whether war be declared or not) civil war, mutiny, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power.
- b) the Insured's liability to employees of contractors to the Insured.
- c) any employee who is not a "workman" within the meaning of the Law(s).
- d) any liability of the Insured which attaches by virtue of an agreement but which would not have attached in the absence of such agreement.
- e) any sum which the Insured would have been entitled to recover from any party but for an agreement between the Insured and such party.
- f) any liability of whatsoever nature directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from :
  - i) nuclear weapons materials
  - ii) ionising radiations or contamination by radio-activity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel and for the purposes of this exception combustion shall include any selfsustaining process of nuclear fission.

## **CONDITIONS**

1. This Policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning whenever it may appear.
2. Every notice or communication to be given or made under this Policy shall be delivered in writing to the Company.
3. The Insured shall take reasonable precautions to prevent accidents and disease and shall comply with all statutory obligations.
4. In the event of any occurrence which may give rise to any claim under this Policy the Insured shall as soon as possible give notice thereof to the Company with full particulars. Every letter claim writ summons and process shall be notified or forwarded to the Company immediately on receipt. Notice shall also be given to the Company immediately the Insured shall have knowledge of any impending prosecution inquest or fatal enquiry in connection with any such occurrence as aforesaid.
5. No admission offer promise or payment shall be made by or on behalf of the Insured without the consent of the Company which shall be entitled if it so desires to take over and conduct in his name the defence or settlement of any claim or to prosecute in his name for its own benefit any claim for indemnity or damages or otherwise and shall have full discretion in the conduct of any proceedings and in the settlement of any claim and the Insured give full such information and assistance as the Company may require.
6. The first premium and all renewal premiums that may be accepted are to be regulated by the amount of wages and salaries and other earnings paid by the Insured to employees during each Period of Insurance. The name of every employee together with the amount of wages salary and other earnings shall be properly recorded and the Insured shall at all times allow the Company to inspect such records and shall supply the Company with a correct account of all such wages, salaries and other earnings paid during any Period of Insurance within one month from the expiry date of such Period of Insurance. If the amount so paid shall differ from the amount on which premium has been paid the difference in premium shall be met by a further proportionate payment to the Company or by a refund by the Company as the case may be.
7. The Company may cancel this Policy by sending fourteen (14) days' notice by registered letter to the Insured at his last known address and in such event the premium shall be adjusted in accordance with Condition 6.
8. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing to so do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.
9. The due observance and fulfilment of the terms, conditions and endorsements of this Policy so far as they relate to anything to be done or not to be done by the Insured and the truth of the statements and answers in the Proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.

## **THE FOLLOWING ENDORSEMENTS/CLAUSES/WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS POLICY WHEN SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO**

### **COMMON LAW Liability (RM1,000,000/-)**

It is hereby declared and agreed that notwithstanding anything contained in this Policy to the contrary, the Limit of Indemnity for the Insured's liability at COMMON LAW shall be limited to Ringgit Malaysia One Million (RM1,000,000/-) in respect of any one claim or series of claims arising out of one event.

## **WEW901- ENDORSEMENT "A" & "B"**

### **Endorsement A**

It is hereby understood and agreed that in the event of any workman employed by the within Insured or by the Insured's Contractors as referred to in Endorsement "B" hereon or any dependant of such workman, bringing or making a claim under the Workmen's Compensation Ordinance in force in Malaysia against any officer of the Government of Malaysia or any State thereof for personal injury or death or disease sustained whilst at work on any Contract covered by the terms and conditions of the within Policy which the Insured may be carrying out for the said officer or Government, the Company will indemnify the said officer or Government against such claim and any costs, charges and expenses in respect thereof. Provided always that the Company shall be entitled to have the sole conduct and control of all proceeding connected with claims covered by this endorsement. Nothing in this endorsement shall be construed as affecting the Insured's right to recover damages in any other way under the said Legislation.

### **Endorsement B**

It is hereby understood and agreed that the indemnity herein granted is to cover the legal liability of the Insured to workmen in the employment of contractors performing work for the Insured while engaged in the business and occupation in respect of which the within policy is granted but only so far as regards claims under the Workmen's Compensation Legislation in force in Malaysia.

### **WARRANTY 2**

This Policy does not indemnify the Insured in respect of any claim arising in connection with the use of woodworking machinery driven by steam, gas, water, electricity or other mechanical power. The expression "woodworking machinery" shall not be deemed to include: - Lathes, Fret-saws, Boring machines, Sanding machines, Mechanically driven portable tools applied to the work by hand other than Pendulum and Swing Saws.

### **WARRANTY 15**

This Policy does not indemnify the Insured in respect of any claim arising in connection with :-

- (a) the construction, alteration or repair of buildings involving the use of at any stage of mechanically driven machinery other than mortar mills, stone crushers, concrete mixers and friction hoists controlled by a motor with a lifting capacity not exceeding 10 cwt. and hoisting directly from one position only.
- (b) any work of demolition (except the demolition of buildings not exceeding 30 ft. in height from the lowest point of the foundations to the highest point of the building, including chimneys, when such demolition is carried out by workmen in the direct employ of the Insured and forms part of a contract for reconstruction, alteration or repair).

**N.B.** Replacement of damaged parts such as old timber or broken tiles does not come within the meaning of demolishing and reconstructing in respect of buildings of any height.

- (c) construction, alteration or repair of towers, steeples, blast furnaces, chimney shafts, viaducts, bridges, docks, railways, canals or tunnels, wells over 20 ft. in depth or any well sinking, other than artesian or tube wells.
- (d) blasting operations quarrying or sand or gravel getting.

### **WEW060- INCLUSION OF SUB-CONTRACTORS EMPLOYEES**

It is hereby understood and agreed that subject otherwise to the Terms, Exceptions and Conditions of the Policy the indemnity herein granted is extended to cover the legal liability of the Insured to workmen in the employment of sub-contractors performing work for the Insured while engaged in the business and occupation in respect of which the within policy is granted, but only so far as regards claims under

The Workmen's Compensation Ordinance 1952

The Workmen's Compensation (Amendment) Ordinance 1956

The Workmen's Compensation (Amendment) Act 1976

The Modification of Laws (Workmen's Compensation) (Extension and Modification) Order 1981

including subsequent amendments to the said Ordinances and Enactments passed prior to the date of this endorsement.

#### **WEW076 - EXTENSION TO INCLUDE EMPLOYEES WHO ARE NOT WORKMEN**

In consideration of premium being paid on the total earnings of all employees not being workmen within the meaning of

The Workmen's Compensation Ordinance 1952

The Workmen's Compensation (Amendment) Ordinance 1956

The Workmen's Compensation (Amendment) Act 1976

The Modification of Laws (Workmen's Compensation) (Extension and Modification) Order 1981

including subsequent amendments to the said Ordinances and Enactments passed prior to the date of this endorsement it is hereby agreed that the Company will not in the event of any accident arising out of and in the course of employment to any such employee whilst engaged in the service of the Insured as set forth in the said Schedule raise the defence that such employee is not a workman within the meaning of the aforesaid Ordinance.

Subject otherwise to the terms and conditions of the within Policy.

#### **WEW077- INCLUSION OF COMMON LAW LIABILITY TO EMPLOYEES NOT DEFINED AS WORKMEN**

In consideration of premium being paid on the total earnings of the employees described in the Schedule hereunder not being workmen as defined in

The Workmen's Compensation Ordinance 1952

The Workmen's Compensation (Amendment) Ordinance 1956

The Workmen's Compensation (Amendment) Act 1976

The Modification of Laws (Workmen's Compensation) (Extension and Modification) Order 1981

including subsequent amendments to the said Ordinances and Enactments passed prior to the date of this endorsement it is hereby agreed that the within Policy is extended to indemnify the Insured in respect of his liability at Common Law for accidents to such employees arising out of and in the course of employment.

Subject otherwise to the terms and conditions of the within Policy.

#### **WEW231 - AVERAGE CONDITION**

Notwithstanding anything stated to the contrary in this policy, and subject to Condition 6 being deleted it is understood and agreed that if the wages herein stated are less than the actual wages (as defined in the Workmen's Compensation Ordinance currently in force) paid or payable to the workmen hereby insured corresponding to the period of insurance, the liability of the Company in respect of any claim under this policy shall be proportionately reduced and the Insured shall be considered as his own insurer for the difference.

#### **WEW900 - EMPLOYEES CONTRIBUTING TO SOCSO**

It is hereby agreed and noted that the insurance provided by this policy shall not be construed by the Insured as an exemption to comply with any statutory obligation, including registration of employees with the Social Security Scheme (SOCSO), where applicable.

Employees Contributing to SOCSO

It is hereby declared and agreed that in consideration of an additional premium being paid the insurance of this Policy shall extend to cover employees who are contributing to SOCSO employment injury scheme.

It is further declared and agreed that in the event of any claim for employment injury, the quantum of compensation payable shall be as provided under the Workmen's Compensation Ordinance without the need for labour assessment report from the Government Labour Office.

Subject otherwise to the terms and conditions of the within Policy.

#### **PREMIUM WARRANTY**

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the insurer within sixty (60) days from the inception date of this policy/endorsement/renewal certificate.

If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled, and the insurer shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk.

Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the insurer, the payment shall be deemed to be received by the insurer for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Insurer.

Subject otherwise to the terms and conditions of the within Policy

Please Attach Schedule Here

## TAX PROVISION

All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.

## PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS

**We** are committed to delivering the best customer experience. If **You** have any complaints or dissatisfactions with any of our products or services, **We** would like to hear from **You**. **You** can contact **Us** at:

### Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000

Fax: 03-2109 6888

Call Centre: 1-300-888-622

Email: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)

### Other Avenues to Seek Redress

If **You** are not satisfied with our final response or decision, **You** may write to Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (formerly known as Ombudsman for Financial Services) with details of the dispute and particulars of **Your** policy.

If the FMOS makes an award against **Us**, **You** are required to inform the FMOS of **Your** decision to accept or deny the award within fourteen (14) days. If **You** do not accept the award, **You** may reject the decision of the FMOS. **You** may choose to institute a court proceeding against **Us** or refer it to Arbitration.

The FMOS can be contacted through:

Financial Markets Ombudsman Service

(formerly known as Ombudsman for Financial Services)

Company No.: 200401025885

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 03 2272 2811

Website: [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)

If **Your** complaint does not fall within the purview of the FMOS, **You** may refer **Your** complaint to BNMLINK

### Write to:

Bank Negara Malaysia

BNMLINK

4th Floor, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

[bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)

## **IMPORTANT NOTICE**

The Insured shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM ([visit www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Registration No. 201701035345 (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)



# Polisi Pampasan Pekerja

---

**BAHAWASANYA** Yang Diinsuranskan yang menjalankan Perniagaan yang dihuraikan dalam Jadual dan bukan yang lain bagi tujuan Insurans ini, menerusi satu cadangan dan perakuan yang menjadi asas bagi Kontrak ini dan dianggap sebagai terkandung di dalamnya, telah memohon kepada Zurich General Insurance Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk Insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium sebagai pertimbangan untuk mendapatkan Insurans sedemikian.

**MAKA POLISI INI MEMPERAKUI** bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans mana-mana kakitangan yang bertugas secara langsung dengan Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan peribadi akibat kemalangan atau penyakit yang berpunca daripada dan berlaku semasa bertugas dengan Yang Diinsuranskan dalam Perniagaannya, dan jika Yang Diinsuranskan dikehendaki membayar pampasan untuk kecederaan tersebut sama ada di bawah:

Undang-Undang yang disenaraikan dalam Jadual

atau menurut

Undang-Undang Umum

maka tertakluk kepada peraturan, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau diendors kepadanya, Syarikat akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang ditanggung oleh Yang Diinsuranskan dan di samping itu akan bertanggungjawab terhadap segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan kebenarannya dalam pembelaan terhadap sebarang tuntutan pampasan sedemikian.

**DENGAN SYARAT** bahawa jika berlaku sebarang perubahan dalam Undang-Undang atau penggantiannya oleh undang-undang lain, Polisi ini akan terus berkuatkuasa tetapi tanggungan Syarikat akan terhad kepada jumlah sepertimana perlu dibayar oleh Syarikat jika Undang-Undang tersebut tidak diubah.

## PENGECEUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah Polisi ini terhadap

- a) sebarang kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang secara langsung disebabkan oleh peperangan, serangan, pertempuran dengan musuh negara asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) perang saudara, pemberontakan, penderhakaan, rusuhan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
- b) tanggungan Yang Diinsuranskan terhadap kakitangan kontraktor Yang Diinsuranskan.
- c) mana-mana kakitangan yang tidak dianggap sebagai "pekerja" di bawah Undang-Undang.
- d) sebarang tanggungan Yang Diinsuranskan yang berbangkit berdasarkan satu perjanjian yang mana tidak akan berbangkit tanpa perjanjian tersebut.
- e) sebarang jumlah yang sepatutnya berhak diperolehi semula oleh Yang Diinsuranskan daripada mana-mana pihak sekiranya tidak ada perjanjian antara Yang Diinsuranskan dan pihak tersebut.
- f) sebarang bentuk tanggungan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berbangkit atau berpunca daripada:
  - i) bahan-bahan senjata nuklear
  - ii) radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear dan bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.

## **SYARAT-SYARAT**

1. Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.
2. Setiap notis atau komunikasi yang perlu diberikan kepada Syarikat atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Syarikat.
3. Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah-langkah berwaspada yang sewajarnya untuk mencegah kemalangan dan penyakit dan hendaklah mematuhi segala tanggungjawab undang-undang.
4. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan hendaklah secepat mungkin memberi notis mengenainya kepada Syarikat bersama butir-butir lengkap. Setiap surat, tuntutan, writ, saman dan proses hendaklah diberitahu atau diserahkan kepada Syarikat sebaik sahaja diterima. Notis juga hendaklah diberikan kepada Syarikat sebaik sahaja Yang Diinsuranskan memperolehi maklumat mengenai sebarang pendakwaan, inkues atau penyiasatan kematian yang bakal diadakan berhubung dengan sebarang kejadian yang tersebut di atas.
5. Sebarang pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran tidak boleh dibuat oleh dan bagi pihak Yang Diinsuranskan tanpa kebenaran Syarikat, yang berhak, jika berhasrat demikian, untuk mengambil alih dan menjalankan, di atas namanya, pembelaan atau penyelesaian sebarang tuntutan atau membuat dakwaan, di atas namanya bagi faedah Syarikat sendiri, terhadap sebarang tuntutan bagi tanggungan kerugian atau ganti rugi atau selainnya dan boleh menggunakan budi bicara sendiri sepenuhnya dalam menjalankan sebarang prosiding dan menyelesaikan sebarang tuntutan, dan Yang Diinsuranskan dikehendaki memberikan segala maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
6. Premium pertama dan semua premium pembaharuan yang mungkin diterima hendaklah ditetapkan mengikut jumlah upah dan gaji dan pendapatan lain yang dibayar oleh Yang Diinsuranskan kepada kakitangan dalam setiap Tempoh Insurans. Nama setiap kakitangan bersama dengan jumlah upah, gaji dan pendapatan lain hendaklah dicatat dengan betul dan Yang Diinsuranskan hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa rekod-rekod tersebut dan hendaklah membekalkan kepada Syarikat akaun yang betul mengenai segala upah, gaji dan pendapatan lain yang dibayar sepanjang sebarang Tempoh Insurans, dalam masa satu bulan dari tarikh pelupusan Tempoh Insurans. Jika jumlah bayaran tersebut berbeza daripada jumlah yang digunakan untuk mengira premium yang telah dibayar, perbezaan bayaran premium hendaklah dijelaskan menerusi bayaran tambahan bersekadar kepada Syarikat atau menerusi pembayaran balik oleh Syarikat mengikut keadaan.
7. Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis 14 hari melalui surat berdaftar kepada Yang Diinsuranskan di alamat terakhirnya dan jika berlaku sedemikian penyaluran premium hendaklah dilakukan mengikut Syarat 6.
8. Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau yang diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, dalam tempoh satu bulan selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai satu persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan satu Keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.
9. Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, syarat-syarat dan endorsemen kepada Polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dan kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam Cadangan.

**PENGENDORSEMEN-PENGENDORSEMEN/FASAL-FASAL/WARANTI YANG BERIKUT AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI POLISI INI JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA**

**Liabiliti UNDANG-UNDANG BIASA (RM1,000,000/-)**

Adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa meskipun bertentangan dengan apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini, Had Indemniti bagi tanggungan Yang Diinsuranskan pada UNDANG-UNDANG LAZIM adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000/-) bagi mana-mana tuntutan atau siri tuntutan yang bersabit dari satu kejadian.

**WEW901- ENDORSEMEN “A” & “B”**

**Endorsemen A**

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya mana-mana pekerja yang digaji oleh Yang Diinsuranskan dinamakan di dalam atau oleh Kontraktor Yang Diinsuranskan, seperti yang dihuraikan dalam Endorsemen ‘B’ bersama ini, atau mana-mana tanggungan pekerja tersebut, membawa atau membuat tuntutan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa di Malaysia, terhadap mana-mana pegawai Kerajaan Negara Malaysia atau mana-mana Negeri di dalamnya, bagi kecederaan peribadi atau kematian atau penyakit yang dialami semasa bertugas bagi sebarang Kontrak, yang diliputi oleh peraturan-peraturan dan syarat-syarat Polisi, yang dilaksanakan oleh Yang Diinsuranskan untuk pegawai berkenaan atau Kerajaan, Syarikat akan menanggung kerugian pegawai atau Kerajaan terhadap tuntutan sedemikian dan sebarang kos, caj dan perbelanjaan yang berbangkit darinya. Dengan syarat bahawa Syarikat berhak untuk menjalankan dan mengawal semua prosiding yang berkaitan dengan tuntutan yang dilindungi oleh endorsemen ini. Tiada apa pun yang terkandung dalam endorsemen ini yang boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan hak Yang Diinsuranskan untuk mendapatkan ganti rugi dalam sebarang cara lain di bawah Undang-Undang tersebut.

**Endorsemen B**

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa tanggungan yang diberikan di bawah ini adalah untuk melindungi tanggungan di sisi undang-undang Yang Diinsuranskan kepada pekerja yang digajikan oleh Kontraktor-Kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja untuk Yang Diinsuranskan dalam menjalankan perniagaan dan pekerjaan yang dilindungi di bawah Polisi, tetapi hanya setakat berkaitan dengan tuntutan di bawah Undang-Undang Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa di Malaysia.

**WARANTI 2**

Polisi ini tidak menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan yang berbangkit berhubung dengan penggunaan mesin pertukangan kayu yang menggunakan kuasa wap, gas, air, elektrik atau kuasa mekanik lain. Istilah ‘mesin pertukangan kayu’ dianggap tidak termasuk Pelarik, Gergaji Pengukir, Mesin Peggerudi, Mesin Pasir, Peralatan mudah alih berpacuan mekanikal yang dikawal dengan tangan untuk menjalankan kerja selain daripada Gergaji Pendulum dan Gergaji Ayun.

**WARANTI 15**

Polisi ini tidak menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan yang berbangkit berhubung dengan:

- (a) pembinaan, pengubahsuaian atau pembaikan bangunan yang pada sebarang peringkat melibatkan penggunaan mesin berpacuan mekanikal selain daripada pengisar mortar, pemecah batu, pembancuh konkrit dan pesawat angkat geseran yang dikawal oleh motor dengan keupayaan mengangkat tidak melebihi 10 cwt, dan mengangkat terus dari satu kedudukan sahaja.
- (b) sebarang kerja meroboh (kecuali meroboh bangunan tidak melebihi 30 kaki tinggi dari paras paling rendah asasnya ke paras paling tinggi bangunan, termasuk corong, apabila kerja-kerja meroboh tersebut dijalankan oleh pekerja yang bertugas secara langsung dengan Yang Diinsuranskan dan ia merupakan sebahagian daripada kontrak pembinaan semula, pengubahsuaian atau pembaikan).

**N.B.** Penggantian bahagian-bahagian yang rosak seperti kayu lama atau ubin pecah tidak termasuk dalam tafsiran meroboh dan membina semula bangunan dengan sebarang ketinggian.

- (c) pembinaan, pengubahsuaian atau pembaikan menara, menara gereja, relau bagas, serombong, jejambat, jambatan, limbungan, jalan keretapi, terusan atau terowong, telaga sedalam lebih 20 kaki atau sebarang telaga mendap, selain daripada telaga artesian atau telaga tiub.
- (d) operasi meletup, menguari atau mengaut pasir dan kelikir.

#### **WEW060 - PELANJUTAN PERLINDUNGAN KEPADA PEKERJA SUB-KONTRAKTOR**

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa, tertakluk dalam hal lain kepada segala Peraturan, Pengecualian dan Syarat Polisi, tanggungan yang diberikan di bawah ini adalah dilanjutkan untuk melindungi tanggungan di sisi undang-undang Yang Diinsuranskan kepada pekerja yang digajikan oleh kontraktor-kontraktor kecil yang melaksanakan kerja-kerja untuk Yang Diinsuranskan dalam menjalankan perniagaan dan pekerjaan yang dilindungi di bawah Polisi, tetapi hanya setakat berkaitan dengan tuntutan di bawah.

Ordinan Pampasan Pekerja 1952

Ordinan Pampasan Pekerja (Pindaan) 1956

Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976

Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Pampasan Pekerja) (Lanjutan dan Pengubahsuaian) 1981 termasuk pindaan-pindaan selanjutnya kepada Ordinan-Ordinan dan Enakmen-Enakmen tersebut yang diluluskan sebelum tarikh endorsemen ini.

#### **WEW076- PELANJUTAN PERLINDUNGAN KEPADA PEKERJA YANG TIDAK DITAKRIFKAN SEBAGAI "PEKERJA"**

Sebagai pertimbangan bagi pembayaran premium ke atas jumlah pendapatan semua kakitangan yang tidak dilingkungi di bawah maksud

Ordinan Pampasan Pekerja 1952

Ordinan Pampasan Pekerja (Pindaan) 1956

Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976

Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Pampasan Pekerja) (Lanjutan dan Pengubahsuaian) 1981 termasuk pindaan-pindaan selanjutnya kepada 'Ordinan-Ordinan dan Enakmen-Enakmen' tersebut yang diluluskan sebelum tarikh pengeluaran Polisi ini atau pembaharuannya, dengan ini dipersetujui bahawa sekiranya berlaku sebarang kemalangan kepada mana-mana pekerja tersebut yang berpunca daripada dan berlaku semasa menjalankan tugas pada ketika berkhidmat dengan Yang Diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam Jadual, Syarikat tidak akan mengemukakan alasan pembelaan bahawa kakitangan tersebut bukan seorang pekerja di bawah maksud Ordinan tersebut.

#### **WEW077- LIABILITI UNDANG-UNDANG BIASA KEPADA PEKERJA YANG TIDAK DITAKRIFKAN SEBAGAI "PEKERJA" DI BAWAH AKTA PAMPASAN PEKERJA:**

Sebagai pertimbangan bagi pembayaran premium ke atas jumlah pendapatan kakitangan yang diterangkan dalam Jadual di bawah ini sebagai bukan pekerja sepertimana ditakrifkan dalam

Ordinan Pampasan Pekerja 1952

Ordinan Pampasan Pekerja (Pindaan) 1956

Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976

Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Pampasan Pekerja) (Lanjutan dan Pengubahsuaian) 1981 termasuk pindaan-pindaan selanjutnya kepada Ordinan-Ordinan dan Enakmen-Enakmen tersebut yang diluluskan sebelum tarikh endorsemen ini, dengan ini dipersetujui bahawa Polisi dilanjutkan bagi menjamin ganti rugi Yang Diinsuranskan berhubung liabilitinya atas Undang-Undang Biasa bagi kemalangan kepada kakitangan yang terjadi kerana dan semasa pekerjaan.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Polisi.

#### **WEW231- DEFINISI SYARAT PURATA**

Walau apa pun dinyatakan sebaliknya di dalam Polisi ini, dan tertakluk kepada pembatalan Syarat 6, adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya gaji yang dinyatakan di sini adalah kurang daripada gaji sebenar (seperti yang ditafsirkan dalam Ordinan Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa sekarang) yang dibayar atau akan dibayar kepada pekerja yang diinsuranskan di bawah ini dalam tempoh perlindungan insurans, tanggungan Syarikat terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini akan dikurangkan secara bersekarad dan Yang Diinsuranskan dianggap menanggung sendiri perbezaan tersebut.

## **WEW900 - CARUMAN DAN PERLINDUNGAN SOCSO (PERKESO)**

Dengan ini dipersetujui dan dimaklumi bahawa insurans yang disediakan oleh polisi ini tidak akan ditafsirkan oleh Yang Diinsuranskan sebagai pelepasan dari mematuhi sebarang kewajipan undang-undang, termasuk pendaftaran kakitangan dengan Skim Jaminan Kemasyarakatan (SOCSO), di mana terpakai.

Kakitangan Memberi Sumbangan kepada SOCSO. Dengan ini diumumkan dan dipersetujui bahawa dengan mengambil kira premium tambahan yang dibayar, insurans Polisi ini dilanjutkan bagi melindungi kakitangan yang memberi sumbangan kepada skim kecederaan pekerjaan SOCSO.

Seterusnya diumumkan dan dipersetujui bahawa sekiranya sebarang tuntutan dilakukan bagi kecederaan pekerjaan, kuantum pampasan berbayar adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja tanpa memerlukan laporan penilaian buruh dari Pejabat Buruh Kerajaan.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Polisi.

## **WARANTI PREMIUM**

Adalah menjadi syarat istimewa asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh permulaan polisi/endorsemen/sijil pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini akan secara automatik terbatal dan penginsurans berhak terhadap premium pro rata bagi tempoh risiko yang telah ditanggung.

Di mana premium perlu dibayar menurut waranti ini diterima oleh wakil penginsurans yang dibenarkan, bayaran akan dianggapkan diterima oleh penginsurans bagi maksud waranti ini dan tanggungjawab membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk wakil insurans yang tidak dibenarkan menerima premium tersebut adalah pada Penginsurans.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Polisi.

## **PERUNTUKAN CUKAI**

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

## **PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS**

**Kami** sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, **Kami** bersedia memberikan perhatian. **Anda** boleh menghubungi **Kami** di:

### **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03 2109 6000

Faks: 03 2109 6888

Pusat Panggilan: 1 300 888 622

E-mel: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)

### Alternatif Lain untuk Membuat Aduan

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan akhir **Kami, Anda** boleh menulis surat kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi **Anda**.

Jika keputusan FMOS memihak kepada **Anda** berbanding **Kami, Anda** hendaklah memaklumkan FMOS sama ada **Anda** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika **Anda** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan FMOS. **Anda** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan  
(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)  
No. Syarikat: 200401025885  
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03 2272 2811  
Laman web: [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)

Jika aduan **Anda** berada di luar bidang FMOS, **Anda** boleh menyatakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada BNMLINK

#### Secara Bertulis:

Bank Negara Malaysia  
BNMLINK  
4th Floor, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465  
[bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)

### NOTIS PENTING

Pemegang Insurans hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pemegang Insurans, Syarikat perlu diberitahu dengan serta-merta dan Polisi dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM tertakluk kepada had perlindungan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)  
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

